

CNS3138

R GB 28-08 00161 BB994

bah

KERAJAAN TIADA NIAT MENYEKAT KEBEBASAN AKHBAR, KATA DR MAHATHIR

Mahathir - OSA

PULAU PINANG, 28 Ogos (Bernama) -- Kerajaan tidak berniat menyekat kebebasan akhbar dalam melaporkan maklumat, malahan bersedia mengambil tindakan jika kebenaran didedah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata tindakan undang-undang di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA) bagaimanapun akan diambil jika jelas mendapati akhbar menghasut pegawai-pegawai kerajaan memberi maklumat yang dirahsiakan.

+Kerajaan tiada niat menutup akhbar kerana benda yang benar akan disebut benar juga,+ katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan Pembangunan dan Penyelidikan Syarikat Robert Bosch di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan supaya tindakan di bawah OSA diambil berhubung pendedahan akhbar mengenai isu pembelian kereta Volvo oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak merahsiakan sebarang perbelanjaan jabatan kerajaan kerana ia menjadi hak rakyat mengetahuinya dan setiap tahun kerajaan memaklumkan belanjawan dan laporan perbelanjaannya. -- Lagi

▼28/08/14-19MST

CNS3146

R GB 28-08 00127 BB995

bah

Mahathir-OSA 2 Pulau Pinang

+Setiap tahun, jabatan-jabatan kerajaan menyediakan belanjawan dan laporan perbelanjaan dan perkara itu turut menjadi hak rakyat untuk mengetahuinya,+ katanya.

Bagaimanapun Perdana Menteri berkata sebarang tuduhan mengenai apa yang berlaku dalam pejabat seharusnya dibuat kepada para pegawai atau Menteri.

+Kerajaan tidak pandang ringan terhadap perbuatan yang curang itu (membocorkan rahsia) dan merasa dukacita jika sengaja dibocorkan rahsia kerajaan.

+Kerajaan boleh ambil tindakan daripada laporan yang diterima itu, tetapi jika disampaikan kepada orang luar, ini bermakna melanggar undang-undang negara,+ katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun menegaskan bahawa perkara itu telah berlaku dan kerajaan akan teruskan penyiasatan untuk menentukan kebenaran terhadap tuduhan itu dan tindakan sewajarnya akan diambil jika didapati tuduhan itu benar. -- Lagi

▼28/08/14-38MST

CNS3149

R GB 28-08 00171 BB996

bah

Mahathir - OSA 3 (Akhir) Pulau Pinang

Mengulas mengenai laporan kenyataan Menteri Luar Indonesia Ali Alatas bahawa pengiriman tentera ke Bosnia-Herzegovina untuk menyelesaikan masalah di negara itu bukan satu keputusan matang, Dr Mahathir berkata Malaysia sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) akan berbuat begitu jika PBB memutuskan demikian.

+Tiada salahnya Malaysia menghantar tentera ke Bosnia jika PBB membuat keputusan itu. Adalah pelik bagi Malaysia sebagai anggota PBB jika tidak sanggup menghantar sama tentera kita,+ katanya.

Ditanya mengenai penafian Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang terhadap dakwaan beliau bahawa parti pembangkang itu tidak pernah menyuarakan pandangannya mengenai isu di Bosnia-Herzegovina, Perdana Menteri berkata beliau tidak menyedarinya sebelum ini dan kini menarik balik kenyataan itu setelah mengetahui perkara yang sebenar.

Katanya Kit Siang telah menghantar surat kepada beliau dengan menggariskan beberapa kenyataan yang telah dibuat mengenai isu itu.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Ketua Menteri Dr Koh Tsu Koon. -- Bernama

♥28/08/14-46MST